

22/03/2002

PM mahu sektor swasta ambil kesempatan

Ahmad Rejal Arbee

WARSAW, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir mahu sektor swasta Malaysia dan Poland mengambil kesempatan yang dirintis kerajaan kedua-dua negara untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara mereka.

Berucap di jamuan tengah hari pada perjumpaan peniaga dan usahawan Malaysia-Poland di Hotel Sheraton di sini hari ini, beliau berkata kedua-dua kerajaan memeteraikan sembilan perjanjian dua hala bagi memudahkan hubungan sektor swasta kedua-dua negara sejak beberapa tahun lalu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kini terpulang kepada peniaga dan usahawan kedua-dua negara untuk berusaha memanfaatkan prasarana yang telah diwujudkan itu.

Antara perjanjian itu ialah Perjanjian Galakan dan Perlindungan Pelaburan, Perjanjian Kerjasama Sains dan Teknologi, Perjanjian Mengelakkan Cukai Berganda dan Perjanjian Perkhidmatan Udara.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Poland Leszek Miller dan hampir 200 ahli korporat, peniaga dan usahawan Poland serta kira-kira 100 wakil sektor swasta Malaysia.

Sempena lawatan Dr Mahathir, sektor swasta kedua-dua negara mengadakan mesyuarat antara mereka bagi meninjau potensi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan. Ia dikendalikan oleh Dewan Perniagaan Poland dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Kedutaan Malaysia di sini.

Dalam ucapannya bertajuk Menghasilkan Hubungan Ekonomi dan Perdagangan Lebih Kukuh antara Malaysia dan Poland, Perdana Menteri berkata, kerajaan hanya dapat menyediakan kerangka bagi menggalakkan hubungan.

Bagaimanapun, interaksi rakyat kedua-dua negaralah yang boleh menzahirkan hubungan secara praktik dalam apa jua bidang termasuk ekonomi, kebudayaan dan politik.

Dr Mahathir berkata, usaha meningkatkan hubungan antara Malaysia dan Poland terutama di bidang perdagangan dan pelaburan telah dilakukan sejak tahun 70an lagi.

Malangnya keadaan tidak menentu yang melanda ekonomi dunia beberapa tahun lalu telah menjejaskan hubungan itu kerana kedua-dua negara terpaksa memberi tumpuan kepada usaha menghadapi keadaan kemerosotan itu.

Berikutan itu, nilai keseluruhan dagangan dua hala Malaysia-Poland merosot 5.6 peratus kepada US\$97 juta tahun lalu, berbanding dengan pertumbuhan 38 peratus pada tahun 2000.

"Bagaimanapun, minat Malaysia untuk meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Poland tidak pernah luntur. Poland adalah rakan dagang Malaysia terbesar di kalangan negara Eropah Timur dan Tengah," katanya.

Lawatan tiga hari Dr Mahathir bersama pegawai kanan kerajaan dan swasta yang bermula hari ini membuktikan kesungguhan Malaysia meningkatkan kerjasama itu.

Kedua-dua negara mempunyai kelebihan dalam perdagangan. Kedudukan Poland amat strategik kerana terletak antara Kesatuan Eropah dan negara Eropah Utara dan Tengah, manakala Malaysia sebagai pula menjadi pintu masuk ke pasaran Asean dan Timur Jauh.

Malaysia juga boleh menjadi landasan bagi syarikat Poland menembusi kawasan Perdagangan Bebas Asean yang mempunyai lebih 500 juta pengguna.

Dr Mahathir turut mengundang syarikat kecil dan sederhana Poland yang banyak diwujudkan berikutan dasar penswastaan syarikat kerajaan di sini, meninjau peluang melabur di Malaysia khususnya dalam beberapa bidang

pembuatan seperti elektronik, peralatan pembedahan dan perubatan serta bioteknologi.

Beliau menegaskan pentingnya Malaysia dan Poland bekerjasama menentukan suasana ekonomi dan perdagangan dunia diwujudkan untuk kebaikan semua bukan dengan menjejaskan kedudukan negara lemah.

Perdana Menteri turut mengumumkan Malaysia akan mengambil bahagian dalam Expo Tour and Travel 2002 Warsaw pada akhir September ini.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan tiba dari Berlin pagi ini. Beliau kemudiannya mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Leszek Miller di Chancellery, diikuti dengan perbincangan antara rombongan kedua-dua negara.

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan pegawai kanan kerajaan.

(END)